

# **RESOLUSI PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-51 TAHUN 2022 PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA**

## **1. MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA**

Bahwasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia akan mempertahankan kedaulatan negara, menjunjung prinsip-prinsip Rukun Negara, mengutamakan Perlembagaan Persekutuan dan akan sentiasa berpaksikan masyarakat berbilang bangsa yang bersatu-padu di bawah naungan konsep Bangsa Malaysia.

## **2. FOKUS KEPADA SUBSIDI DAN KEBAJIKAN RAKYAT SECARA EFEKTIF**

Bahwasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia berharap Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan subsidi kepada barang asas dan keperluan utama rakyat. Ia amat penting agar rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan harga barang asas yang mendadak. Kerajaan juga perlu meneliti kaedah subsidi bersasar yang efektif dan mampu mendekati golongan marhaen yang sangat memerlukannya.

## **3. SETIAP ANAK MALAYSIA ADALAH TANGGUNGJAWAB KERAJAAN**

Bahwasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia menggesa Kementerian Pendidikan agar menyegerakan penyelesaian kepada isu matrikulasi dalam kalangan pelajar cemerlang bukan Bumiputera. Pendidikan perlulah dijadikan sebagai tonggak kesaksamaan kepada semua Anak Malaysia dan ianya tidak patut diklasifikasikan mengikut keturunan, kaum, agama, mahupun wilayah.

## **4. PEMBENTUKAN JAWATANKUASA KHAS MINORITI**

Bahwasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia menggesa Kerajaan Persekutuan untuk membentuk sebuah jawatankuasa khas setaraf dengan kementerian, yang terdiri daripada pembuat polisi, pakar dan profesional, aktivis, dan mereka yang berkepentingan dalam kalangan masyarakat minoriti dalam mewakili kepentingan minoriti, menasihati kerajaan dan kabinet berkenaan dengan dasar sedia-ada dan yang bakal dirangka, agar ia mengambil kira kepentingan, sensitiviti dan keperluan masyarakat minoriti di negara ini.

## **5. LAKSANAKAN LAPORAN JAWATANKUASA PEMBAIKAN SISTEM DAN UNDANG-UNDANG PILIHAN RAYA**

Bahwasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia menyeru kerajaan untuk bertindak ke atas saranan dan cadangan yang diputuskan melalui Laporan ERC (*Election Reform Committee*) dan mengimplementasikan sistem perwakilan berkadar (*proportional representation*) bagi kerusi Dewan Rakyat, sebagai langkah menterjemahkan sokongan sebenar seluruh rakyat dalam sistem demokrasi negara.

## **6. WANITA DALAM URUSAN KEPIMPINAN PERUNDANGAN NEGARA**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia mengharapkan kerajaan untuk mewajibkan perwakilan 50/50 dalam Dewan Negara. Ia bermaksud mewajibkan seorang daripada dua perwakilan negeri ke Dewan Negara daripada kaum wanita, dan 22 daripada 44 pelantikan Seri Paduka Baginda YDPA perlulah meliputi kaum wanita. Ia menguatkuaskan perwakilan wanita dalam Dewan Negara sebanyak 50%. Pendekatan ini perlu agar wanita dapat memainkan peranannya dengan lebih efektif dalam sistem perundangan negara.

## **7. PENAWARAN KURSUS IPTA PERLU MELIPUTI KEPERLUAN PASARAN PEKERJAAN**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia mengingatkan Kementerian Pengajian Tinggi agar peka terhadap keadaan semasa mengarahkan IPT mengkaji dan menawarkan kursus pembelajaran yang mempunyai permintaan di dalam pasaran pekerjaan dan ekonomi. Kerajaan perlu memastikan IPT mempunyai kuasa penawaran yang berkualiti tinggi dan menepati keperluan pemintaan.

## **8. UNIVERSITI TERBUKA WAWASAN SEBAGAI UNIVERSITI PENYELIDIKAN**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia mencadangkan kepada kepimpinan parti untuk menukar konsep universiti terbuka WOU kepada universiti penyelidikan yang berfokuskan kepada pengajian sains politik dan kemanusiaan. Ia juga sebagai langkah menjadikan universiti milik parti sebagai institut pengajian tinggi terbaik dalam kajian dan pembangunan sains politik di rantau ini.

## **9. SATU KELUARGA SATU RUMAH, MALAYSIA PRIHATIN**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia menyeru Kerajaan Persekutuan agar merangka formula yang berkesan dalam memastikan setiap keluarga di Malaysia memiliki rumah sendiri. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu bekerjasama dalam merangka pelan dalam memperbanyakkan penawaran rumah mampu milik yang berkualiti dan sesuai dengan permintaan. Juga pihak berkuasa perlu memastikan bahawa proses pinjaman, bayaran berkaitan dan kelulusan yang diperlukan dipermudahkan, agar tidak menyusahkan pembeli rumah pertama.

## **10. PASTIKAN BEKALAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BERADA DALAM PARAS YANG SIHAT**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia memohon Kerajaan Persekutuan dengan segera menangani isu keterjaminan makanan serta meningkatkan pengeluaran pertanian dan makanan domestik secara menyeluruh. Kerajaan Persekutuan perlu memastikan bekalan makanan mencukupi dan berada dalam kadar yang sihat serta mengawasi harga pasaran bekalan tersebut agar berada pada paras berpatutan. Langkah ini perlu dalam memastikan rakyat tidak sangkut dalam perangkap harga pasaran yang tidak menentu.

## **11. PERANGI RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA SECARA MENYELURUH**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia menggesa Kerajaan Persekutuan untuk tidak sesekali campur-tangan dalam urusan kes rasuah dan salah-guna kuasa oleh pemimpin kanan kerajaan campurannya. GERAKAN menyeru kerajaan untuk bersikap berkecuali dalam perkara tersebut dan memastabatkan sistem kehakiman negara. Perkara ini penting dalam memastikan yang bersalah dihukum dan rakyat sekalian diberi kepimpinan yang berteladan.

## **12. ABAIKAN PENGAWASAN MORAL, KUATKUASAKAN ARAHAN RASMI**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia menyeru pihak berkuasa agar tidak menguna-pakai polisi pengawasan moral berbentuk penilaian peribadi, yang tidak terdapat dalam arahan rasmi. Ia sebenarnya menyusahkan rakyat terutamanya mereka yang memerlukan bantuan dalam keadaan kecemasan. Sebarang bentuk penafian disebabkan oleh pengawasan moral kepada seseorang yang memerlukan bantuan perlu dikutuk dan kerajaan perlu memastikan bahawa hanya arahan rasmi yang dirangka selepas mengambil kira perspektif secara menyeluruh dikuatkuasakan di premis kerajaan.

## **13. FOKUS KEPADA PILIHAN RAYA NEGERI, MOHON PEMILIHAN PARTI DITUNDA**

Bahawasanya, kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia berharap kepimpinan parti untuk memberikan fokus sepenuhnya kepada enam pilihan raya negeri yang bakal berlangsung pada tahun ini, dengan memberikan laluan kepada pilihan raya negeri jika tarikh yang ditetapkan melanggar dengan tarikh pemilihan parti. Kami ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia memberikan mandat yang sepenuhnya kepada ahli jawatankuasa pusat untuk menentukan tarikh baru bagi pemilihan parti. Penundaan ini perlu agar jentera parti kekal fokus dalam mendekati pengundi dan membawa kemenangan kepada parti.